

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Alami gejala demam selepas pulang mengerjakan umrah

Seorang jemaah sah positif MERS-CoV

PUTRAJAYA – Seorang lelaki disahkan dijangkiti penyakit Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (MERS-CoV) selepas pulang daripada mengerjakan umrah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berusia 55 tahun dari Selangor itu mengalami gejala demam, batuk, lemah badan, lelah dan sakit kaki sejurus tiba di tanah air pada 23 Disember lepas.

Katanya, pesakit mendapatkan rawatan di klinik berhampiran rumahnya sehari selepas itu dan menerima rawatan sebagai kes demam sebelum hadir ke Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor pada malam 28 Disember dan ditahan di wad hospital itu untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

“Ujian saringan MERS-CoV dijalankan mendapati dia positif, masing-masing bagi ujian saringan yang dijalankan oleh Hospital Sungai Buloh (HSB) pada Sabtu lalu serta ujian pengesahan yang seterusnya dijalan-

kan oleh Institut Penyelidikan Perubatan pada Ahad,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pesakit dirujuk ke HSB untuk rawatan lanjut dan keadaannya kini stabil.

Sehubungan itu, beliau berkata pihaknya menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan termasuk pengesanan serta pemantauan ke atas orang yang pernah berhubung dengan pesakit seperti ahli keluarga dan jemaah umrah dalam kumpulan sama.



NOOR HISHAM

Bagi mengelak jangkitan MERS-CoV, Noor Hisham menasihatkan orang awam yang mengerjakan umrah atau melawat negara Asia Barat supaya menjaga kebersihan seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun terutamanya selepas batuk, bersin atau selepas bersalaman.

Mereka diminta mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala demam dan jangkitan respiratori seperti batuk dan kesukaran bernafas dalam tempoh 14 hari setelah tiba di tanah air.

INFO MERS-CoV

- Sejenis virus yang membawa kepada Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah.
- Punca jangkitan sebenar dan cara jangkitan belum dapat dikenal pasti.
- Menyentuh hawian terutamanya unta atau memakan/minum produk berkaitan unta yang tidak dimasak sempurna berisiko dijangkiti.
- Tiada vaksin untuk melindungi daripada jangkitan dan tiada ubat khusus untuk merawat.
- Gejala dijangkiti ialah sukar bernafas, batuk, sesak nafas dan demam melebihi 38 darjah celsius.
- Langkah pencegahan adalah mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi dan elakkan kontak langsung dengan unta.

Info daripada Kementerian Kesihatan Malaysia



JEMA'AH umrah dinasihatkan mendapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala demam panas dan respiratori selepas pulang ke tanah air pada kadar segera bagi mengelak jangkitan MERS-CoV. – Gambar hiasan

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

Guru lelaki maut kereta langgar ambulans

MUAR - Seorang guru lelaki di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent dekat sini maut apabila kereta Perodua Viva yang dinaikinya terbabit kemalangan dengan sebuah ambulans di Parit Raja, Jalan Abdul Rahman di sini awal pagi semalam.

Dalam kejadian pukul 5.30 pagi itu, mangsa, Adi Hazly Ideris, 40, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah pada anggota badan manakala tiga mangsa lain yang menaiki ambulans berkenaan hanya mengalami cedera ringan.

Mangsa yang cedera ialah



BAHAGIAN hadapan ambulans remuk selepas berlanggar dengan Perodua Viva dipandu seorang guru di Parit Raja, Muar semalam.

pemandu ambulans, Md. Hailmey Abd Hamid, 36, pembantu hospital, Teo Wei Chee, 31, dan pesakit, Tee

Chai Hoon, 82, yang mengalami luka pada anggota badan termasuk kepala. Ketua Polis Daerah Muar,

Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, kejadian dipercayai berlaku apabila kereta yang dinaiki mangsa terbabas sebelum bertembung dengan ambulans tersebut yang datang dari arah bertentangan.

"Insiden itu menyebabkan Perodua Viva dipandu mangsa remuk pada bahagian hadapan sehingga menyebabkan kecederaan parah pada pemandu.

"Ambulans terbabit dipercayai dalam perjalanan dari Parit Samsu ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) sejauh kira-kira 14 kilometer," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.